

HAD LAJU 30KM/J DI ZON SEKOLAH

Lebih banyak nyawa selamat

Kuala Lumpur

Keputusan kerajaan menggazetkan had laju 30 kilometer sejam (km/j) di zon sekolah disifatkan langkah tepat dalam usaha melindungi nyawa, khususnya kanak-kanak, sejajar saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Pengarah Eksekutif Safe Kids Malaysia Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Dr Kulanthayan KC Mani berkata, pengurangan kelajuan walaupun satu kilometer sejam mampu untuk mengurangkan risiko kematian sehingga lima peratus.

"Kalau kelajuan purata dikurangkan sebanyak lima peratus, risiko kemalangan maut boleh menurun hingga 30 peratus," katanya sempena Minggu Keselamatan Jalan Raya Sedunia (UNGRSW) Ke-8 dari 12 hingga 18 Mei ini bermakna *Walking and Cycling Safe*.

Beliau berkata, tubuh manusia hanya mampu menyerap impak hentaman pada kelajuan maksimum 30km/j dan sebarang perlanggaran melebihi had itu meningkatkan risiko kematian secara mendadak.

Dalam pada itu, berdasarkan statistik tahun 2023, negara merekodkan hamipir 600,000 kes kemalangan jalan raya dan 6,473 kematian – bersamaan satu kemalangan setiap 53 saat dan satu kematian setiap 80 minit.

Daripada jumlah itu, lebih 67 peratus jumlah ko-



KERAJAAN baru-baru ini memaklumkan kerajaan akan menggazetkan had laju 30km/j di semua zon sekolah berikut purata 70 kematian direkodkan setiap tahun di kawasan berkenaan.

rban melibatkan penunggang serta pembonceng motosikal.

Kulanthayan berkata, pelaksanaan had laju 30km/j perlu disokong dengan infrastruktur selamat seperti papan tanda khas, bonggol jalan, lintasan pejalan kaki, lorong basikal, kawasan menunggu bas dan pemasangan reflektor serta topi keledar untuk murid yang berbasikal.

Katanya, budaya sifar sa- man, sifar kemala- ngan dan sifar ke- matian jalan ra- ya perlu digerakkan secara menyeluruh dengan penglibatan kerajaan, industri, komuniti, syari- kat insurans dan automotif.

Menurut beliau, peng-

gunaan teknologi seperti kamera pemantau, kamera elektronik dan kamera papan pemuka (*dashcam*) juga wajar di- perluaskan untuk tujuan pemantauan serta penguatkuasaan lebih berkesan. Baru-baru ini, Menteri Pengangkutan Anthony Loke memaklumkan kerajaan akan menggazetkan had laju 30km/j di semua zon sekolah berikut pu- rata 70 kematian direkod- kan setiap tahun di kawa- san berkenaan.

Langkah itu sejajar dengan cadangan WHO bahawa had laju 30km/j di kawasan berpenduduk, sekolah dan zon pejalan kaki sebagai langkah terbukti secara saintifik dalam me- ngurangkan risiko maut dan kecederaan parah.

Minggu Keselamatan Ja- lan Raya Sedunia juga me- nyeri negara anggota Per- tubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mem- perluas pelaksanaan inisiatif ini bagi mencapai sa- saran pengurangan 50 pe- ratus kadar kematian dan kecederaan akibat kemala- nagan menjelang 2030.

Pengurangan kelajuan mampu kurangkan risiko kematian
Kulanthayan